



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولاه قينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
**HINGGA Hujung
USIA**



Tarikh Bacaan:
10 JULAI 2026M / 24 MUHARRAM 1448H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Hingga Hujung Usia

10 Julai 2026M/ 24 Muharram 1448H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: قَالَ أَجْعَلْنِي عَلَى خَزَائِنِ الْأَرْضِ إِنِّي حَفِيظٌ عَلَيْمُ ﴿٥٥﴾ سورة يوسف
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْوَاحِدُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ هِدَايَةً وَرَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا عِبَادَ اللَّهِ وَأَطِيعُوهُ، وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ مُلَاقُوهُ، وَأَنَّ مَا عِنْدَ اللَّهِ
خَيْرٌ وَأَبْقَى.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib menyeru diri sendiri serta para hadirin agar bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى, seiring dengan pertambahan usia yang dikurniakan. Marilah kita menjaga adab ketika berada di masjid dengan menghindari perbuatan berbual kosong, membuat bising, bermain permainan di telefon bimbit atau menggunakan gajet tanpa keperluan, serta tidur dengan sengaja. Sesungguhnya Allah sentiasa memerhati setiap perbuatan kita.

Pada hari yang penuh berkat ini, mimbar ingin mengajak sidang Jumaat sekalian untuk menghayati khutbah yang bertajuk: **Hingga Hujung Usia**.

SIDANG JUMAAH YANG DIMULIAKAN,

Menyingkap sejarah terdahulu, di mana keadaan bumi Mesir pada suatu waktu dahulu. Tanahnya subur, mengalir di dalamnya Sungai Nil yang membawa erti kehidupan dan ladang-ladang gandum tumbuh menghijau seolah-olah tiada penghujungnya.

Ketika kemuncak kemakmuran tersebut, Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى memperlihatkan suatu petunjuk yang besar melalui mimpi seorang raja, lalu ditafsirkan dengan penuh hikmah oleh Nabi Yusuf عَلَيْهِ السَّلَامُ. Melalui tafsiran itu, Baginda menjelaskan bahawa bumi Mesir akan melalui tujuh tahun fasa kemakmuran. Dan kemudian, selepas tempoh tersebut, akan datang pula tujuh tahun dalam keadaan kemarau yang amat dahsyat, sehingga bumi menjadi tandus dan gersang. Disebabkan itu, hasil tanaman merosot dan rakyatnya berhadapan dengan kesempitan serta ancaman kelaparan yang sangat berat.

Menyedari besarnya ujian yang bakal menimpa, Nabi Yusuf tidak berdiam diri. Dengan penuh rasa tanggungjawab dan keyakinan terhadap amanah yang mampu dipikulnya, Baginda memohon agar diberi kepercayaan untuk menguruskan perbendaharaan negara demi menyelamatkan rakyat daripada bencana kelaparan. Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى berfirman dalam Surah Yusuf ayat 55:

Maksudnya: "...Yusuf berkata: Jadikanlah aku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir), sesungguhnya aku bersedia menjaganya dengan sebaik-baiknya dan mengetahui cara mentadbirnya."

Nabi Yusuf عَلَيْهِ السَّلَامُ menyusun strategi ketika berada dalam kesenangan, simpanlah dengan penuh kebijaksanaan dan apabila datang

kesusahan, gunakanlah dengan penuh hikmah. Melalui pengurusan yang berasaskan ilmu serta dipandu oleh sifat amanah, kemakmuran dan kesejahteraan sebuah negara mampu dipelihara serta diselamatkan daripada bencana yang mengancam.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Setiap hari kita keluar bekerja demi menyara keluarga dan membina masa depan yang lebih baik. Namun tidak mungkin kita mampu bekerja selama-lamanya disebabkan faktor usia dan kesihatan yang semakin terbatas. Realitinya, ramai antara kita bakal bersara dengan simpanan yang amat sedikit.

Statistik semasa menunjukkan bahawa ramai dalam kalangan bakal pesara mempunyai simpanan pada tahap yang amat membimbangkan. Sehingga 31 Disember 2025, median atau nilai tengah simpanan ahli KWSP dalam kalangan masyarakat Melayu yang berumur di bawah 55 tahun hanyalah sekitar RM13,980, iaitu satu jumlah yang sangat kecil untuk menampung keperluan kehidupan selepas hari persaraan.

Menyedari hakikat ini, kerajaan telah mewujudkan KWSP sebagai satu mekanisme penting bagi membantu rakyat Malaysia menabung sejak usia muda dan ketika masih sihat serta berkemampuan, agar mereka dapat menghadapi hari persaraan dengan lebih tenang dan terjamin. Usaha ini mencerminkan tanggungjawab kerajaan selaku *Ulu' Amri* dalam menjaga kebajikan rakyat, dengan menyediakan satu sistem yang dapat membantu masyarakat membuat persediaan kewangan demi kelangsungan hidup yang lebih sejahtera pada usia tua kelak.

Di KWSP, terdapat dua pilihan akaun simpanan iaitu simpanan konvensional dan simpanan syariah. Kedua-duanya mempunyai perbezaan dari sudut prinsip pelaburannya. Simpanan konvensional bercampur antara yang halal dan haram, manakala simpanan syariah diurus sepenuhnya mengikut prinsip syariah, bebas riba, *maisir* (مَيْسِر) dan *gharar* (غَرَار). Simpanan ini juga merupakan penyelesaian bagi mereka yang memilih dana persaraan yang halal dan patuh syariah demi memelihara maqasid syariah dalam penjagaan harta.

MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN,

Namun, sehingga akhir tahun 2025, kurang daripada 30% ahli KWSP yang beragama Islam di Pulau Pinang memilih akaun simpanan syariah. Firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dalam Surah Al-Ma'idah ayat 100:

قُلْ لَا يَسْتَوِي الْخَبِيثُ وَالطَّيِّبُ وَلَوْ أَعْجَبَكَ كَثْرَةُ الْخَبِيثِ فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ
لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠٠﴾

Maksudnya: *"Katakanlah (wahai Muhammad), tidak sama yang buruk dengan yang baik walaupun banyaknya yang buruk itu menarik hatimu. Oleh itu, bertakwalah kepada Allah wahai orang yang mempunyai akal yang sihat, agar kamu berjaya."*

Oleh itu, marilah kita mengambil sikap yang lebih bertanggungjawab terhadap nilai aset yang berada dalam simpanan kita. Janganlah kita merasa selesa dengan keuntungan yang kelihatan banyak, tetapi pada hakikatnya bercampur dengan perkara yang meragukan dari sudut syarak. Sesungguhnya keberkatan harta bukan

terletak pada banyaknya jumlah, tetapi pada kesuciannya daripada unsur yang haram dan syubhah. Harta yang bersih akan membawa ketenangan dalam kehidupan, manakala harta yang tidak disucikan boleh menghalang keberkatan dalam keluarga.

Dalam hal ini, umat Islam disarankan supaya memilih akaun simpanan syariah yang lebih terjamin kesuciannya dan selaras dengan tuntutan syariah. Langkah ini bukan sekadar perubahan dari sudut pengurusan kewangan, bahkan merupakan usaha memelihara diri dan keluarga daripada terlibat dengan unsur riba yang jelas diharamkan oleh Allah ﷻ.

Di samping usaha menyimpan dan mengurus harta dengan sebaiknya, umat Islam khususnya warga emas hendaklah berhati-hati agar tidak terpedaya dengan pelaburan palsu, penipuan dalam talian, *love scam* dan pelbagai bentuk manipulasi kewangan yang tidak membawa manfaat.

Ada antara mereka yang kehilangan seluruh simpanan hanya kerana terpengaruh dengan janji keuntungan segera atau pujuk rayu insan yang tidak bertanggungjawab. Sesungguhnya harta yang dikumpul selama puluhan tahun janganlah dihabiskan pada perkara yang merosakkan dan tidak membawa keberkatan. Islam mengajarkan kita agar sentiasa bersikap waspada, mendahulukan nasihat keluarga dan merujuk kepada pihak yang berautoriti sebelum membuat sebarang keputusan kewangan.

Jangan sampai di penghujung usia, harta hilang, ibadah terganggu dan kehidupan menjadi lebih sempit kerana tersilap meletakkan kepercayaan kepada manusia.

HADIRIN SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sebagai rumusan khutbah pada hari ini, marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran daripada peringatan yang telah disampaikan:

Pertama: Umat Islam hendaklah memastikan setiap harta dan simpanan yang dimiliki bebas daripada unsur riba serta perkara yang tidak patuh syariah.

Kedua: Dividen yang bercampur dengan pendapatan tidak patuh syariah hendaklah disucikan terlebih dahulu sebelum digunakan, dengan menyalurkannya kepada Baitulmal atau golongan fakir miskin.

Ketiga: Kita diwajibkan untuk beralih kepada akaun simpanan syariah sebagai langkah memelihara keberkatan harta dan menjauhkan diri daripada perkara yang diharamkan oleh Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

Firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dalam Surah al-Hasyr ayat 18:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah (dengan melaksanakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya) dan hendaklah setiap orang memperhatikan apa yang telah disediakan-

Nya (daripada amalan mereka) untuk hari esok (akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan) bertakwalah kepada Allah! Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui secara mendalam apa-apa yang kamu lakukan.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2026M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mimbar ingin mengingatkan seluruh jemaah agar mematuhi keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang berhubung penggunaan pembesar suara masjid dan surau, iaitu penggunaan pembesar suara luar hanya bagi azan dan iqamah, manakala program-program lain hendaklah menggunakan pembesar suara dalaman demi menjaga kemaslahatan umum, keharmonian masyarakat serta adab sesama Muslim.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وَلَايَتَنَا فَيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَلَايَةً قَوْلَاو فَيَنْبَغِ آمِنًا مُطْمَئِنًّا
سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib,
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato'
Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang;
Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan
solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan
melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَأَذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولاه فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG